

# Pelan Takaful Penyakit Kritikal

Ketenangan di saat anda perlukannya. Ganjaran di kala anda sihat.

**M**alang tidak berbau, untung nasib seseorang tiada sesiapa yang tahu. Persediaan untuk menghadapi detik-detik sukar dalam hidup misalnya diuji dengan kesakitan amat penting agar anda dapat menjalani kehidupan bersama insan-insan tersayang dengan penuh ketenangan.

Masalah kesihatan bukan sahaja disebabkan penyakit tetapi juga akibat kemalangan seperti koma akibat trauma di kepala. Selepas dibenarkan keluar dari hospital, kos susulan menjadi bebanan utama bagi mereka yang tidak mempunyai simpanan atau pelan perlindungan yang komprehensif. Sekiranya anda sudah mempunyai pelan perlindungan perubatan, anda patut juga mempertimbangkan pelan yang menawarkan manfaat yang dapat menyokong dan melengkapkan pelan perlindungan sedia ada.

Oleh itu amat penting untuk memilih pelan perlindungan yang membolehkan anda mendapat akses kepada penjagaan kesihatan yang lebih baik, yang memberikan anda pelbagai jenis perkhidmatan dan mengenal pasti punca masalah kesihatan anda yang membolehkan anda menjaga atau meningkatkan tahap kesihatan.

Anda tidak perlu risau tentang perbelanjaan perubatan susulan

dengan adanya pelan perlindungan bagi penyakit kritikal antaranya, penyakit strok, tumor otak, kanser, lumpuh, koma, hilang penglihatan, dan kegagalan buah pinggang.

Rawatan penyakit kritikal sering memakan tempoh yang lama dan membabitkan kos pemulihan yang tinggi selain kita kemungkinan kehilangan mata pencarian. Hal ini akan memberi kesan pada kewangan kita dan keluarga. Matlamat pelan perlindungan adalah untuk mengurangkan kesan dan beban kewangan yang timbul daripada penyakit kritikal.

## Pelan Takaful i-Great Salam

i-Great Salam ialah pelan Takaful Keluarga dengan caruman berkala yang matang pada umur **85** tahun berserta Manfaat **36** Kejadian yang Dilindungi selain daripada Manfaat  Hilang Upaya Penuh dan Kekal atau Kematian .

Selain itu, anda juga boleh menikmati manfaat-manfaat untuk kesejahteraan anda termasuklah penambahan jumlah perlindungan  secara automatik,  Manfaat Kesihatan, Manfaat Elaun  Hospital, serta Manfaat Matang .

Bagi Manfaat Kesihatan, selepas tiga tahun yang pertama, anda akan menerima baucar bernilai **RM200** yang boleh membantu anda untuk

mengekalkan atau meningkatkan tahap kesihatan anda. Sekiranya anda dimasukkan ke hospital disebabkan oleh Kejadian yang Dilindungi anda akan menerima manfaat elaun tunai harian bagi setiap hari anda berada di wad biasa. Anda akan menerima **2x** ganda manfaat elaun tunai harian bagi setiap hari anda berada di Unit Rawatan Rapi.

Untuk tuntutan Kejadian yang Dilindungi, bergantung kepada tahap penyakit kritikal yang dihadapi, suatu peratusan daripada Jumlah Perlindungan Asas dan Jumlah Perlindungan Tambahan akan dibayar sekaligus, iaitu **50%** bagi peringkat awal atau **100%** bagi peringkat pertengahan

## Bagaimana i-Great Salam memberi manfaat kepada Orang yang Dilindungi

Tahun Sijil	Perubahan Jumlah Perlindungan	Jumlah Perlindungan Tolak Sebarang Tuntutan Dibuat	Manfaat yang Dibayar
<b>1</b>	Jumlah Perlindungan Asas Permulaan	RM60,000	
<b>4</b>	Jumlah Perlindungan Tambahan = 5% x RM60,000	RM63,000	Baucar Manfaat Kesihatan 
<b>5</b>	Tuntutan untuk Koma = 50% x RM63,000	RM31,500	RM31,500 + Manfaat Elaun Hospital 
<b>7</b>	Jumlah Perlindungan Tambahan = 5% x RM60,000	RM34,500	

\*Jadual di atas hanyalah ilustrasi berdasarkan Orang yang Dilindungi ialah seorang wanita berusia 27 tahun yang membuat caruman tahunan sebanyak RM2,037 dan membuat tuntutan untuk koma kurang/selama 48 jam pada tahun sijil kelima.



dan peringkat akhir.

Layari [www.greasterntakaful.com](http://www.greasterntakaful.com) untuk maklumat lanjut mengenai i-Great Salam atau buat temu janji dengan perunding takaful berhampiran anda atau gunakan kalkulator perlindungan penyakit kritikal untuk menganggar amaun perlindungan yang anda perlukan.